

17 DEC 2001

Mahathir-Misuari (Bergambar)

KL BELUM PUTUSKAN BILA UNTUK HANTAR BALIK NUR MISUARI

PUTRAJAYA, 17 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia masih belum memutuskan bila untuk menghantar pulang bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari ke Filipina.

"Kita belum tentukan lagi tarikhnya," kata Perdana Menteri kepada pemberita di majlis rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Duta Filipina ke Malaysia, Jose S.Brillantes di majlis yang sama yang Misuari mungkin dihantar pulang ke Filipina sebelum 24 Dis, 2001, "jika mengikut undang-undang imigresen Malaysia".

Di bawah undang-undang imigresen, Misuari, yang ditahan bersama enam lagi pengikutnya di Pulau Jampiras, Sabah, pada 24 Nov kerana memasuki Malaysia secara haram dari Jolo di selatan Filipina boleh ditahan sehingga 30 hari dan tempoh itu akan tamat pada 24 Dis.

Semalam, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menghantar Misuari ke negara ketiga jika kerajaan Filipina tidak mahu mengambilnya balik.

Misuari melarikan diri ke Malaysia selepas dituduh mencetuskan pemberontakan bersenjata terhadap Manila dan mengisytiharkan peperangan terhadap kerajaan Filipina.

Ditanya hari ini sama ada Manila telah memaklumkan dengan rasmi kepada Kuala Lumpur bila pihak berkuasa Filipina bercadang mengambil balik Misuari, Dr Mahathir berkata: "Kita tunggu dan (akan) runding (dengan Manila)."

Sementara itu, Brillantes memberitahu pemberita yang dalam tempoh sembilan hari akan datang, "pasti ada perkembangan" mengenai isu itu.

"Tarikh penghantaran pulang (Misuari) lebih baik dirahsiakan atas sebab keselamatan," kata beliau.

Brillantes berkata terpulang kepada polis Filipina dan Malaysia untuk menentukan bila untuk menghantar pulang Misuari.

Beliau berkata polis dari kedua-dua negara sedang cuba menyelesaikan urusan penghantaran balik itu.

Brillantes berkata kerajaan Filipina telah menyatakan "dengan jelas yang mereka sedang bersiap sedia bagi penghantaran pulang ataupun penyerahan" Misuari.

"Yang penting ialah Filipina sedang membuat persiapan bagi menerima beliau. Pihak berkuasa Malaysia sedia menghantar beliau pulang," katanya.

Brillantes berkata polis Malaysia juga telah menyatakan yang mereka akan menamatkan soal siasat terhadap Misuari.

Menurut Duta Filipina itu lagi pihak berkuasa tertinggi kedua-dua negara telah membincangkan isu itu dan "tiada tanda-tanda akan berlaku perkembangan baru selain daripada apa yang kita telah nyatakan.

Minggu lepas, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo berkata Manila akan menghantar Penasihat Presiden Bagi Hal-hal Khas, Norberto Gonzalez, ke Malaysia untuk membincangkan perkara itu bersama kerajaan.

Mengenai tuduhan terhadap Misuari, Brillantes berkata ia terpulang kepada badan penguatkuasa undang-undang dan kehakiman Filipina.

"Biar keadaan menentukannya," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

YBK ES PR